

## UMNO, 1948—1955

*oleh*

**Marwan bin Saliman**

*Pelajar Tahun III*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

Lahirnya Persekutuan Tanah Melayu pada 1hb. Februari 1948, UMNO sudah berusia hampir dua tahun. Ia adalah ringkasan dari United Malays National Organisation, sebuah parti politik Melayu yang ulung. UMNO ini ditubuhkan dari 41 buah pertubuhan<sup>2</sup> Melayu diseluruh Tanah Melayu dan Singapura pada 11hb. May 1946, dengan api semangat kebangsaan yang menyala bagi menentang penubuhan Malayan Union satu chorak pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu selepas Jepun.

Dato Onn bin Jaafar yang telah mendapat sebulat suara untuk memimpin UMNO ini, diikuti oleh pengikut<sup>2</sup>nya yang gigih dan penuh bersemangat akhirnya telah berjaya menguburkan Malayan Union. Dengan tikad yang bersatu padu dalam UMNO ini, Malayan Union yang memberikan bangsa<sup>2</sup> asing setaraf dengan orang<sup>2</sup> Melayu baik disegi warganegara mahupun keistimewaan dan juga kehilangan kuasa Raja<sup>2</sup> Melayu dalam politik,<sup>1</sup> telah ditentang habis<sup>2</sup>an yang akhirnya Inggeris terpaksa mengujudkan Persekutuan Tanah Melayu.

Selama Malayan Union ujud, UMNO telah mengadakan 9 kali persidangan agungnya. Persidangan<sup>2</sup> inilah yang memperlihatkan orang<sup>2</sup> Melayu mulai menyedari hakikat politik yang sebenarnya dan menjelang-nya 1948 UMNO bukan lagi merupakan sebuah pertubuhan yang didalam-nya terdapat pula berbagai<sup>2</sup> pertubuhan dan persekutuan yang masing<sup>2</sup> mempunyai chorak dan chara yang tersendiri, tetapi UMNO mulai menyede- dari peri pentingnya mereka membubarkan pertubuhan masing<sup>2</sup> dan bersatu menjadi satu iaitu UMNO dan apa yang harus dilakukan ialah menubuhkan chawangan<sup>2</sup> UMNO di merata<sup>2</sup> tempat. Menjelangnya 1948 ini juga UMNO telah menjalankan tujuan<sup>2</sup> lain dengan menubuhkan jabatan<sup>2</sup> seperti jabatan tanaman, ternakan, buruh, pemuda dan kebajikan am. Jabatan<sup>2</sup> ini bertujuan untuk memberi faedah kepada bangsa Melayu, dan juga untuk mengemas dan melancharakan perjalanannya menuju kemer- dekaan.

---

Allen, J.V., *The Malayan Union*, Yale Universiti Press, New Haven, 1967, hal. 13.

Apabila sahaja kerajaan Inggeris mengumumkan tamatnya pemerintahan Malayan Union itu, Dato' Onn selaku Yang di Pertua NMNO masa itu dalam pembukaan persidangan agung UMNO antara lain menyebut “. . . UMNO ini bukanlah diadakan semata2 kerana melawan Malayan Union bahkan melawan kepada diri orang Melayu sendiri supaya berikhtiar bagi mengubah perangnya kehidupannya dan supaya sedar kepada tanggung-jawab dan pikulan masing2”<sup>2</sup>. Apakah kebenarannya kalau kita gambarkan bahawa diawal 1948 itu masharakat Melayu maseh belum jauh perubahannya dari apa2 yang telah diwarisinya walaupun telah melalui zaman dibawah tadbir Jepun, negara2 tetangga telah mencapai kemerdekaan mahupun telah menyaksikan bangsa2 asing yang tinggal dibuminya jauh lebeh senang. Dan mungkin inilah sebabnya maka Dato' Onn ingin memimpin UMNO dari kachamatanya.

Setelah 'penyatuan UMNO' untuk melangkah kearah bersatu padu dikalangan bangsa Melayu, UMNO berusaha untuk mengemas dan melengkapkan susunan pentadbirannya. Keyakinan UMNO untuk bergerak keatas kerja2 siasah berkemungkinan dari sebab ianya merupakan gulungan atau pehak yang penting selain dari pehak Raja2 Melayu disisi pemerentah penjajah Inggeris dimasa itu. Orang2 Melayu telah dilantik menganggotai Majlis Meshuarat Persekutuan Dengan ini tidak hairanlah kalau UMNO telah menchari jalan untuk meramaikan lagi bilangan ahli2nya dipelusuk Tanah Melayu dan Singapura. Mungkin dengan jalan inilah UMNO dapat memperkuatkanperjuangannya. Sedangkan dimasa itu, dalam Pemerintahan Tanah Melayu hanya terdapat 31 daripada 75 kerusi untuk orang2 Melayu (22 tidak resmi yang dilantek dan 9 Menteri2 Besar yang mewakili Dewan Negeri). Kedudukan yang minoritas ini sudah tentu amat sukar untuk UMNO menchapai matlamat kemerdekaan.

Diawal 1948 ini telah terdapat kechaman2 yang hibat dari orang2 bukan Melayu menentang undang2 kerakyatan baru dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 itu. Dalam undang2 ini orang2 bukan Melayu boleh menjadi warga-negara dengan syarat menjadikan Tanah Melayu ini *real home* dan menumpukan taat setianya dinegeri ini serta dilahirkan disini atau telah lama tinggal menetap dan mempunyai pengetahuan yang baik dalam bahasa Melayu atau Inggeris. Orang China telah mengemukakan untuk penggunaan prinsip *jus soli* dimana siapa2 yang dilahirkan dalam negeri berhak menjadi warga-negara yang sah. Orang2

---

<sup>2</sup> Ishak Tadin, "Datok Onn and Malay Nationalism 1946-1951", *Journal of South-East Asian History (JSEAH)*, Vol. 1, No. 1, March 1960, hal. 70. Lihat juga Zainal Abidin B. Abd. Wahid (ed.), *Glimpses of Malaysian History*, D.B.P., K. Lumpur, 1970, hal. 136.

Melayu pula menganggap yang undang2 baru tentang kerakyatan itu adalah terlalu liberal, dan mahukan hak2 politik dalam negeri ini dimonopoli oleh orang2 Melayu. Kalau diperhatikan sejak Malayan Union lagi masalah kerakyatan adalah menjadi masalah yang sensitif dimasa itu, dikalangan orang2 Melayu. Selaras dengan pendirian UMNO maka masalah kerakyatan menimbulkan perasaan perkauman yang lebih mendalam lagi. Simandjuntak menyokong dalam masalah ini katanya, ". . . thus the makings of wider and deeper communal cleavages in Malaya's plural society ....."<sup>3</sup> telah wujud.

Pada Jun 1948, peperangan terbuka telah dilancarkan oleh Parti Komunis Malaya. UMNO telah mendesak kerajaan untuk mengistiharkan dzarurat. UMNO merasa bertanggung jawab dalam negara menghadapi ancaman Komunis ini. Ishak Tadin menyatakan bahawa UMNO telah mendesak kerajaan untuk menghantar pulang kenegeri China mereka yang terlibat membantu penganas2 Komunis. Keadaan yang sedemikian menyebabkan kedua2 kaum Melayu-China semakin renggang perhubungannya. 'Kampung2 Baru' yang menempatkan semula orang2 China yang berselerak dihutan2 sebagai satu chara menchegeh Komunis daripada mendapat bantuan dan keperluan, juga mempunyai implikasi yang besar keatas perkembangan politik, ekonomi dan sosial.<sup>4</sup> UMNO dan masharakat Melayu umumnya merasa chemburu diatas layanan kerajaan Inggeris keatas masharakat baru itu. Sebaliknya apabila orang2 China mulai tinggal beramai2, mereka telah memperolehi suatu inspirasi yang lebih untuk chuba mendapatkan keistimewaan2 khasnya kerakyatan negeri ini. Jurang perkauman dimasa ini jelas memperlihatkan kepada kita betapa mendalamnya akibat dari masalah2 pokok ini.

Pengistiharaan Dzarurat Jun 1948 ini membawa akibat pengharaman keatas pertubuhan2 parti politik MCP (Parti Komunis Malaya), MPAJA, 'New Democratic Youth League, dan PETA. Dalam hal ini Tan Cheng Lock sahaja yang telah mempertahankan kedudukan orang2 China di Dewan Perundangan Persekutuan dari kechaman2 yang orang2 China tidak menumpukan taat setia dinegeri ini. UMNO dipehak yang lain tentunya merasai bertanggung-jawab keatas mempertahankan tanah ayernya sendiri. Oleh itu *Dato' Onn* telah mendesak kepada kerajaan (Inggeris) supaya memberi lebih banyak lagi tempat dalam pentadbiran kerajaan kepada orang2 Melayu dan juga perlunya pembesaran Askar Melayu ketingkat

---

<sup>3</sup> Simandjuntak, B., *Malayan Federalism 1945-1963*, Oxford University Press, K. Lumpur, 1969, hal. 181.

<sup>4</sup> Untuk lanjut sila lihat Hanrahan, G.Z., *The Communist Struggle in Malaya*, Institute of Pacific Relations, New York, 1954, hal. 4.

'divisional', dan mengangkat lebih banyak lagi pegawai2 Melayu bagi jawatan yang lebeh tinggi.

Memandang ketegangan perkauman yang semakin memunchak ini, maka atas chadangan Malcolm MacDonald selaku Pesuruh Jaya Inggeris di Tenggara Asia, telah ditubuhkan Jawatan Kuasa Antara Kaum (Communities Liaison Committee) pada 10.1.1948. Ianya ditubuhkan untuk menyelesaikan melalui rundingan2 tentang masaalah antara kaum. Tan Cheng Lock yang mewakili orang2 China masa itu menyatakan bahawa satu daripada tujuan jawatan kuasa itu adalah, "... to bridge the yawning gulf that now exists between the communities . . . " <sup>5</sup> Dalam jawatan kuasa ini UMNO diwakili oleh Dato 'Onn, Dato' Panglima Bukit Gantang (Menteri Besar Perak dan ahli Jawatan Kuasa Kerja Tertinggi UMNO), Saleh Hakim (ahli Majlis Meshuarat Negeri Selangor dan ahli Dewan Perundangan Persekutuan), Dr. Mustaffa Osman (Ketua Melayu negeri Kedah dan juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO) dan Zainal Abidin Abas (Setia Usaha UMNO).

Dalam satu persidangan di Johor Baharu, ahli2 Jawatan Kuasa Antara Kaum ini telah setuju dan berpendapat bahawa, "*the aim of the Federation of Malaya should be the attainment of self government with sovereign status, and the creation therein of Malayan nationality.*" <sup>6</sup> Jawatan kuasa ini juga telah mendesak diadakan pilihanraya perengkat tempatan, perengkat bandaran dan perengkat negeri dengan secepat mungkin sebelum mengadakan pilihanraya perengkat persekutuan (federal). Jawatan kuasa ini juga bersetuju supaya bahasa Melayu dan Inggeris diwajibkan diajar di sekolah2 kerajaan dan separoh bantuan kerajaan. Tentang masaalah kerakyatan atau warga negara yang sensetib itu, telah dipersetujui yang undang2 kerakyatan mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu itu dipertimbangkan semula supaya memberi mereka yang taat membina negara ini dapat menjadi 'Federal citizens'.

Sementara itu pada January 1949 Tan Cheng Lock telah berjaya menubuhkan MCA (*Malayan Chinese Association*). Penubuhan ini dialu2kan oleh pemerintah Inggeris. Tan Cheng Lock mengistiharkan bahawa tujuan MCA itu untuk, "*to bring about a feeling of unity among the Malayan Chinese of all classes and to promote inter-racial goodwill, harmony, and co-operation.*" <sup>7</sup> Dengan ini MCA merupakan satu 'instrument' bagi orang2 China daripada dipengaruhi oleh Party Kominis Malaya. Simandjuntak menyatakan, oleh kerana ramai orang2 China yang masih

---

<sup>5</sup> Simandjuntak, *Malayan Federalism*, hal. 61.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hal. 62.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hal. 63.

berdiri diatas pagar, maka MCA, “. . . to fight the monopoly in government favours claimed by the Malays as loyal sons of the soil.”<sup>8</sup> Oleh itu MCA menjadi lebih2 lagi penting sebagai ‘instrument’ politik kepada masharakat China.

Kerakyatan sebagaimana yang dikatakan tadi adalah merupakan satu2nya yang mesti dipertahankan oleh bangsa Melayu. Oleh yang demikian, persetujuan2 yang dibuat oleh Dato 'Onn dan perwakilan2nya di dalam Jawatan Kuasa Antara Kaum itu, sudah semestinya memberi satu reaksi yang hebat didalam UMNO (partinya sendiri). Malah keadaan semakin membimbangkan dengan perkembangan orang2 China dengan adanya ‘kampung2 baru’ yang menchetuskan lahirnya MCA yang menambahkan lagi kebimbangan masharakat Melayu dimasa itu. Ini ditambah dengan orang yang sepatutnya dan telah pun memperjuangkan hingga terkuburnya ‘Malayan Union’, selaku President UMNO telah mengubah sikapnya dari seorang ahli politik perkauman kepada seorang nasionalis konservetib dengan ‘inter-communal views’.

UMNO tentunya menentang segala yang bertentangan dengan perjuangannya, perjuangan untuk membela bangsanya, bangsa Melayu. Tetapi Dato 'Onn nampaknya tidak mengindahkan tentangan2 dari pengikut2nya ini. Ia terus menjalankan kempennya, malah untuk menyedarkan mereka tentang ‘fahaman tidak perkauman’ itu. Chadangannya untuk membolehkan orang2 bukan Melayu menjadi ahli bersekutu (*associate members*), bertujuan supaya meninggikan lagi kedudukan politik, sosial dan kemajuan ekonomi bagi semua penduduk Tanah Melayu serta melahirkan kerjasama antara satu dengan lain untuk menyemaikan keharmunian kaum. Dalam persidangan Agung di Arau pada Mei, 1949, ini juga Dato 'Onn menyambung penjelasannya, bahawa inilah masanya orang2 Melayu hendaklah mempunyai atau mengambil pandangan yang lebih luas daripada pandangan kekampungnya, jika orang2 Melayu tidak mahu dalam kerugian.<sup>9</sup>

Dalam UMNO menghadapi chabaran ini, tiba2 pada June 1949, Dato 'Onn telah mengemukakan pula perlunya seorang bangsa Melayu menggantikan bangsa Eropah bagi memegang jawatan Timbalan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di Tanah Melayu. Beliau memikirkan adalah perlu jawatan itu dipegang dari sekarang untuk melatih anak Melayu memegang satu jawatan yang tinggi supaya ia mahir dan mempunyai pengalaman apabila mereka memegang tampuk pemerentahan disatu masa kelak. Chadangan Dato 'Onn ini telah mendapat tentangan yang hebat dari Raja2 Melayu.

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, hal. 64.

<sup>9</sup> *Ibid.*, hal. 64.

Sultan Kedah yang menjadi juruchakap Majlis Raja2 Melayu ini menyatakan bahawa dengan memberikan jawatan itu kepada orang Melayu (raayat-nya) bererti meletakkan Duli2 Yang Maha Mulia dibawah kedudukan yang mengatasi kedudukannya. Pertentangan ini memberi kesan yang besar kepada pergerakan UMNO. Dengan tentangan dari Raja2 Melayu ini bererti telah berlakunya perpechahan diantara UMNO atau raayat dengan Rajanya yang sejak UMNO ditubuhkan hampir selama 5 tahun itu Raja2 Melayu tetap memberi sokongannya. Dan sudah tentu ini juga melibatkan sedikit kegonchangan dikalangan UMNO sendiri walau pun Dato' Onn telah mendapat sokongan yang penuh atas perjuangannya itu baik dalam persidangan agung UMNO yang dibuatnya kemudian daripada itu mahupun juga mendapat sokongan penuh dari anggota2 bangsa Asia didalam Dewan Undangan Persekutuan.

Dalam keadaan penuh chabaran ini juga UMNO telah memikirkan betapa perlunya diadakan satu pertubuhan bagi pemuda2 dalam UMNO, yang mungkin nanti akan menjadi tumpuan pemuda2 dalam menjalankan kerja2 yang berkenaan dengan hal ehwal serta kebajikan pemuda2 dengan bekerjasama dan bersatu-padu diantara satu dengan lainnya. Pada 26.8.1949 dalam satu meshuarat wakil2 pemuda di Butterworth, Kapten Hussain Onn telah dipilih sebagai Ketua Pemuda 'Perikatan Pemuda UMNO'

Pada Februari 1950 pula, UMNO telah menganjurkan perjumpaan alim ulamak dari seluruh Tanah Melayu. Tujuannya ialah untuk menumpukan segala usaha memperjuangkan soal ugama disamping soal2 politik serta mendesak raja2 Melayu menyamakan chara2 urusan mengenai soal pelajaran, ugama, zakat-fitrah, puasa, berhari-rama, penerangan2 ugama dan wakaf.

Saya rasa penubuhan 'Perikatan Pemuda UMNO' dan persidangan alim ulamak ini menunjukkan adanya kegelisahan dikalangan ahli2 UMNO yang tidak selari dengan apa yang dirasakan. Kegelisahan ini jelas kelihatan apabila Dato' Onn melafazkan uchapannya dalam persidangan Agung UMNO pada 20.5.1950 di Kuala Lumpur. Dato' Onn membayangkan konsep Malaya yang harmoni "... *through reconsideration of the citizenship provisions of the Federation constitution . . .*".<sup>10</sup> Dan pada persidangan agung UMNO di Kuala Lumpur lainnya pada 11hb. Jun 1950 dimana ianya diadakan khusus untuk membinchangkan masaalah kerakyatan yang dichadangkan oleh Jawatan Kuasa Antara Kaum. Mula sahaja persidangan2 ini berjalan, kedengaran uchapann2 yang hangat dan panas mengandungi

---

<sup>10</sup> Lihat pula Ishak Tadin, "Datok Onn," hal. 80.

sangat dan panas mengandungi tuduhan2 yang buruk keatas Dato' Onn dalam pendiriannya menegaskan " . . . *Malays needed help from non Malays that the self government could not be achieved without racial harmony . . . . It was necessary to define the subjects of Rulers so that the Malays would be able to distinguish between the non-Malays who were federal citizen and non-citizens.*"<sup>11</sup> Dalam ucapannya ini juga Dato' Onn telah mengecham tindakan Persekutuan Penuntut2 Tinggi Melayu yang telah menerbitkan satu pengistiharaan yang menuduh beliau telah belut dan khianat. Harus diingat dimasa ini akhbar Melayu juga turut merasakan kebimbangannya diatas chadangan Dato 'Onn itu. Oleh kerana perwakilan2 yang hadir yang menentukan nasib bangsanya itu telah menentang dan menyelar Dato 'Onn maka beliau akhirnya telah meletakan jawatannya sebagai Presiden UMNO. Walaupun majlis merayu berkali2 supaya beliau menarik-balik perletakan jawatannya itu, tetapi beliau tetap dengan pendiriannya itu. Ini kemudian diikuti oleh semua ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi UMNO meletakan jawatannya.

Perletakan jawatan Dato Onn itu menunjukkan mula timbulnya keretakan didalam UMNO. Bukan sahaja wakil2 dipersidangan Agung itu merasa hampa malah bangsa Melayu pada masa itu turut merasa kesal diatas sikap Dato 'Onn itu. Akhirnya UMNO yang kehilangan teraju itu telah mengadakan satu perarakan dari rumah UMNO Johor Baharu kerumah kediaman Dato 'Onn. Perarakan ini disertai oleh perwakilan2 UMNO dari seluruh Tanah Melayu. Perarakan ini dan juga perasaan gelisah orang2 Melayu di seluruh tanah ayer menunjukkan bahawa orang2 Melayu memang tidak pernah menendang keluar pemimpin2nya. Ini menyebabkan Dato' Onn akhirnya telah bersetuju untuk memegang semula jawatannya bagi memimpin UMNO.

Sekembalinya Dato' Onn kepangkuan UMNO buat kali keduanya ini memberikan nafas baru dalam perjuangan UMNO. Dalam masa 8 bulan sahaja ahli2 UMNO telah bertambah seramai 19,948 orang dan menjadikan ahli2 UMNO semuanya seramai 100,375 orang.<sup>12</sup> Ini membuktikan adanya keazaman baru dalam UMNO. Kemungkinan 'Perikatan Pemuda UMNO' yang mempunyai undang2 tubuhnya sendiri itu menjadi penggerak dan pendurung serta menjadi tulang belakang dalam perjuangan UMNO ini. Ishak Tadin pula menyatakan ini adalah disebabkan tuduhan Utusan Melayu dan Majlis yang menyatakan UMNO lemah dalam memprotes atas Kes Nadra, di Singapura.

---

<sup>11</sup> Ishak Tadin, "Dato' Onn", hal. 75.

<sup>12</sup> *Ibid.*, hal. 77.

Satu keanehan timbul dalam persidangan Agung UMNO pada 27,28 dan 29hb Ogos, 1950 di Kuala Kangsar yang saya rasa satu persidangan yang bersejarah dimana telah diluluskan dan diterima chadangan2 yang dikemukakan oleh jawatankuasa kerja UMNO berkenaan dengan rang undang2 kerakyatan, yang dulunya ditentang itu (dengan adanya sedikit pindaan).<sup>13</sup> Walaupun terdapat sejumlah yang merasa tidak puas hati namun diakhir persidangan ini memperlihatkan adanya tolak ansur di antara mereka.

Satu perkembangan baru dalam UMNO dalam Persidangan Agungnya pada 25,26 March 1951 yang telah menyebabkan ramai bekas2 tokoh dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya yang telah diharamkan dulu memasuki UMNO kembali. Mungkin seruan 'Merdeka' bagi menggantikan seruan 'Hidup Melayu' itu menjadikan mereka lebeh sesuai dengan perjuangannya yang lebeh tegas itu. Tetapi nampaknya kurang senang dikalangan ahli2 UMNO yang konservatib untuk menerima seruan 'Merdeka' yang dilaungkan oleh 'Perikatan Pemuda UMNO' itu.

Satu lagi perkembangan baru dalam UMNO dimasa ini ialah perjuangan angguta2nya yang lebih memandang berat soal ugama dan bangsanya. Para alim-ulamak dalam UMNO nampaknya gelisah dengan perkembangan2 baru itu atau mungkin juga kerana ingin memperjuangkan sendiri apa yang difikirkan bagi menjaga kepentingan Ugama Islam dan bangsa Melayu. Oleh yang demikian pada Julai, 1951 telah diadakan persidangan buat kali kedua alim-ulamak UMNO dari seluruh chawangan2nya di Kuala Lumpur. Selain dari masaalah2 ugama yang dibinchangkan, satu keputusan penting dibuat bagi menubuhkan satu persatuan alim-ulamak yang tersendiri. Sebuah jawatan-kuasa diketuai oleh Tuan Haji Ahmad Fuad telah ditubuhkan untuk menggubal undang2 persatuan ini. Inilah yang akhirnya melahirkan Parti Islam Se Tanah Melayu.

Kembali kita kepada perjuangan Dato' Onn. Nampaknya beliau tetap dengan ideanya '*non-communalism*' di Tanah Melayu. Dato 'Onn menyatakan bahawa Tanah Melayu tidak akan diberi kemerdekaannya jika hanya dibangunkan dengan sebuah parti perkauman sahaja. Kemudian Dato 'Onn pula ingin menukarkan nama UMNO selaras dengan ideanya '*realization of non-communalism*' itu, iaitu dari *United Malays National Organization* kepada *United Malaya National Organisation*. Ini bermaana UMNO itu dibuka kepada semua bangsa dinegeri ini. Keadaan yang sama telah ada atau ujud di Singapura dan inilah kemungkinannya Dato' Onn inginkan juga sebuah parti politik yang dapat mewakili dari semua bangsa. Dalam

---

<sup>13</sup> *UMNO 10 Tahun*, Daud Press, K. Lumpur, 1957, hal. 53.



hal ini Ishak Tadin menyatakan, "*It was Dato Onn's intention that the UMNO should be the first non-communal party in Malaya.*"<sup>14</sup>

Tindakan sekali lagi oleh Dato 'Onn ini, satu tindakan yang menyentuh perasaan sensitif bangsa Melayu, sudah tentu UMNO memberi tentangan yang hebat, disemua chawangannya. Oleh kerana UMNO tidak dapat memberi selera kepada perjuangan Dato' Onn ini, maka dalam mesuarat Agung UMNO yang khusus membinchangkan chadangan Dato' Onn itu pada 25 dan 26 Ogos 1951, beliau telah enggan memegang jawatannya sebagai President UMNO itu. Ini bererti beliau meletakkan jawatan sebagaimana yang diuchapkannya bahawa ia akan menubuhkan satu Parti baru yang mengandungi berbagai2 kaum. Pada 27hb Ogos 1951 dengan resminya Dato' Onn meletakkan jawatannya, setelah memimpin UMNO selama 5 tahun lebeh itu.

Kehilangan Dato' Onn dari UMNO dengan menubuhkan sebuah parti baru 'Parti Kemerdekaan Malaya' (I.M.P.) telah menyebabkan UMNO seolah2 seperti anak ayam kehilangan ibunya, yang kemudiannya telah menimbulkan beberapa gulungan. Ada yang mengikut Dato Onn memasuki parti barunya itu dan ada yang sunyi senyap tidak tahu kemana hendak dituju, juga terdapat gulungan yang 'pandang dan lihat' dulu. Sebelum Dato' Onn meletak jawatan dengan resminya telah pun terdapat kegelisahan dikalangan ahli2 UMNO. Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak sendiri masa itu menyatakan, "*. . . without Onn Malays would no longer be united, and members of the UMNO would form fragment parties.*"<sup>15</sup> Tiada seorang pun anggota2 Majlis Tertinggi UMNO masa itu yang mahu menawarkan diri untuk menggantikan Dato' Onn. Apa yang difikirkan ialah 'kapal yang akan tenggelam'. Tetapi kemudiannya dalam Persidangan Agung UMNO yang bersejarah itu, Tunku Abdul Rahman telah mengalahkan 2 orang chalun lain dengan mendapat 57 daripada 75 undi, bagi menggantikan Dato' Onn sebagai President UMNO yang kedua.

Patah tumbuh hilang berganti. Tunku Abdul Rahman menggantikan Dato' Onn dengan dibantu oleh timbalannya Tun Abdul Razak bin Hussain (menang tidak bertanding dalam mesuarat agung yang bersejarah itu) dan naib2 yang dipertua seperti C.M. Yusuf, Dr. Ismail, Syed Nasir, Sardon bin Haji Zubir serta Hajjah Zain. (Pergerakan kaum Ibu UMNO telah pun ditubuhkan pada 25 Ogos 1949, bagi memainkan peranan dan menyumbang-kan tenaganya didalam pertubuhan UMNO).

---

<sup>14</sup> Ishak Tadin, "Datok Onn", hal. 77.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hal. 79.

Dalam masa ini UMNO menghadapi masalah kegentingan dikalangan ahlinya. Akibat Dato' Onn mendirikan parti barunya itu ranting2 UMNO menjadi lemah. Ramai orang2 yang sayangkan Dato' Onn telah lari bersama2 Dato' Onn malah mereka menaburkan dakyah2 bagi melemahkan semangat ahli2 UMNO dengan perang dinginnya dan ada yang menekankan bahawa UMNO tidak boleh hidup lebih dari 3 bulan. I.M.P juga mendapat sokongan dari Menteri2 Besar dan juga pegawai2 Inggeris.<sup>16</sup> Satu perkara yang patut dibanggakan oleh UMNO dengan pimpinan baru itu setelah 3 bulan, ianya tetap maseh hidup. Ini saya rasa ialah kerana keyakinan didalam UMNO sendiri bahawa "*The Malays are the key to the politics in this country*"<sup>17</sup> Tunku yang perwatakannya tidak sekeras Dato' Onn telah lebih mementingkan supaya ahli2 UMNO sendiri berdiri tegas dibelakangnya, sebagaimana ia menyakinkan orang kanannya, ". . . *urge you not to change politics and jump about like a monkey tied to a post.*" Tun Razak menjawab "*Tunku, if you are prepared to take the lead I am prepared to stay . . . I will get the Pahang UMNO behind you*"<sup>18</sup> Apakah orang2 Melayu dimasa itu tetap patuh dengan apa yang diucapkan oleh Dato' Onn, "UMNO lahir diistana dan saya serahkan pimpinan UMNO ini kepada seorang yang berasal dari istana"<sup>19</sup>. ataulah kerana sifat2 Tunku sendiri, "Saya tidak lebih dari seorang manusia biasa . . . ini ialah negeri Melayu. Keutamaan mesti diberikan kepada orang2 Melayu. Apakah harapan orang2 Melayu dimasa hadapan sekiranya kita harus beralah setiap kali kaum lain menyampaikan tuntutan yang makin lama makin besar . . . ada orang mengatakan bahawa kemerdekaan haruslah diserahkan kepada orang Malayan. Tetapi siapa orang Malayan ini? Orang Melayulah yang akan menentukan siapa orang Malayan itu kelak,"<sup>20</sup> Untuk menyelamatkan UMNO, Tunku telah menunjukkan ketegasannya. Ia memberi amaran kepada ahli2 UMNO yang memperlihatkan simpatinya terhadap I.M.P. hendaklah meletakkan jawatan keahliannya.

Penubuhan I.M.P. bukan sahaja memberi kesan besar keatas UMNO, tetapi juga melibatkan M.C.A. Tan Cheng Lock yang menjadi president M.C.A. telah mempengerusikan penubuhan I.M.P. pada 16.8.1951. Ini menjadikan chawangan2 M.C.A. kelam-kabut masing2 ada yang memasuki parti baru itu manakala yang lain 'tunggu dan lihat' sebagaimana yang juga terjadi dalam UMNO itu.

<sup>16</sup> Milne, R.S., *Government and Politics in Malaysia*, Houghton Mifflin Co., Boston, 1967, hal. 35.

<sup>17</sup> Miller, H., *Prince and Premier*, G.G. Harrap, London, 1959, hal. 110.

<sup>18</sup> *Ibid.*, hal., 69.

<sup>19</sup> *Jubilee Perak UMNO Malaysia, 25 Tahun Dalam Kenangan*, Perchetakan Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1971, hal. 69.

<sup>20</sup> *Ibid.*

Satu perkembangan baru ujud bagi UMNO dan M.C.A. apabila pemerintah Inggeris mengumumkan hendak mengadakan satu pilihan raya bandaran Kuala Lumpur pada February 1952. M.C.A. Selangor ingin bertanding sebagaimana juga I.M.P. dan UMNO. tetapi oleh kerana kedudukan M.C.A. sendiri kuchar kachir akibat tindakan presidentnya tadi, maka Kolonel H.S. Lee selaku President M.C.A. chawangan Selangor telah meminta kepada Dato Yahya bin Abdul Razak selaku pengurus chawangan parti UMNO untuk pilihan raya bandaran Kuala Lumpur, untuk bersama2 mengatur langkah bagi menentang I.M.P. Dato' Yahya telah membawa perkara itu kepada parti dan melihat pandangan orang2 Melayu adakah ingin bersama2 dengan orang2 China dalam bidang politik ini. Beberapa pertemuan telah dibuat diantara kedua2 parti. Suatu persetujuan telah dicapai dimana mereka akan bersama2 sebagai sebuah perikatan dengan UMNO meletakkan chalun2nya dimana ramai didapati orang2 Melayu ia itu disekeliling bandar, manakala M.C.A. meletakkan chalun2nya dimana ramai didapati orang2 China, iaitu didalam bandar.

Sebelum pilihanraya bandaran ini dapat dilakukan, pada Oktober 1951 Sir Henry Gurney Pesuruh Jaya Tinggi British disini telah mati ditembak Kominis. Kematiannya menjadikan satu faktor besar keatas keruntuhan I.M.P. kerana beliaulah yang bertanggung-jawab bagi menggesa Whitehall mengadakan 'executive-council' yang akhirnya kepada satu bentuk kabinat kerajaan yang mengandungi orang2 Melayu, China dan India. Gurney telah memberi sokongan besar keatas I.M.P dan MCA lebih dari UMNO, dan apabila beliau mati Dato' Onn dan Tan Cheng Lock mulai menjadi renggang perhubungannya.

Sesuatu yang tidak diduga, Perikatan UMNO-MCA telah mencapai kemenangan yang chemerlang dalam pilihanraya majlis bandaran Kuala Lumpur itu. Ianya telah memenangi 9 daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. Ini memberi satu tampran yang hebat kepada I.M.P. Sebaliknya UMNO dan MCA menganggap kemenangannya itu sebagai satu alamat baik. Ini menyebabkan ketua2 kedua belah pihak mulai memikirkan samada sistim perikatan ini dapat digunakan dan dijalankan untuk pilihan raya perengkat federal nanti.

K.J. Ratnam mengulas tentang kejayaan UMNO-MCA dalam pilihanraya kota Kuala Lumpur dan bandar2 lainnya diTanah Melayu ini Perikatan itu hanya sebagai 'Perkahwinan untuk kesenangan'<sup>59</sup>. Sistem tentang pembahagian chalun2 ditempatkan mengikut kawasan2 yang ramai penduduk

---

<sup>21</sup> Ratnam K.J., *F aham Perkauman dan Proses Politik Di Malaya*, Terjemanan Kassim Ahmad, University Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969, hal. 180.

jelas menunjukkan yang pembahagian kerusi itu untuk kebaikan bersama yang merupakan durian runtuh bagi kedua2 parti. Ini adalah kerana faham politik dalam masa ini (1952) dipengaruhi oleh pendapat2 umum iaitu faham perkauman dan politik antara kaum yang berasingan. Dari pilihanraya tempatan dan bandaran ini perkembangan politik UMNO tidak dapat dipisahkan dengan perkembangan politik MCA. Dan saya rasa mulai tarikh inilah satu garis pemisahan dalam perjuangan parti2 politik di Tanah Melayu dimana bermulanya sistim mengundi bagi pilihan raya, dan ini melahirkan perkembangan baru dalam perjuangan sesuatu parti.

Kejayaan Perikatan (UMNO-MIC) buat pilihan raya kali pertama ini menyebabkan diadakan rundingan diantara ketua2. Kedua2 pemimpin Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock, telah bersetuju untuk mengadakan jawatan kuasa perhubungan untuk merapatkan kedua2 belah pihak diseluruh chawangannya di Tanah Melayu ini. Ini adalah satu langkah bagi memperkuatkan kedudukannya disisi masyarakat bagi menghadapi pilihan raya umum yang akan datang.

Pada 17.3.1951 Perikatan UMNO-MCA telah bersetuju untuk mengadakan pemilihan umum untuk ke Dewan Perundangan Persekutuan, dimana satu rangka yang dipersetujui pada dasarnya sebuah dewan yang mengandungi 75 orang anggota dimana 40 akan dipilih, dan bakinya 31 orang akan dilantik. Chadangan ini akan dibawa kepersidangan Agung parti masing2.

Pada 6 April, 1953 dalam persidangan agung UMNO di Melaka telah menerima chadangan tersebut, dan dengan sebulat suara mereka menuntut supaya pilihanraya umum itu diadakan pada tahun 1954. Ini bererti UMNO mengkehendaki 3/5 majoriti dalam Dewan Perundangan Persekutuan itu mestilah terdiri dari orang2 yang dipilih oleh rakyat. Dalam persidangan ini juga UMNO telah membuat satu resolusi yang akan disampaikan kepada pemerintah Inggeris iaitu untuk menerima segala keputusan persidangan itu dan andainya kerajaan enggan maka perikatan UMNO-MCA akan meletakkan jawatannya dari menjadi ahli dewan '*legislative*'.

Kedudukan Perikatan UMNO-MCA nampaknya semakin kuat dan mendapat perhatian umum. Selain dari kemenangannya dalam pilihan2 raya bandaran, dan kekalahan teruk I.M.P. saya rasa UMNO telah benar2 membawa arus yang baru yang dapat menyakini hati rakyat, selain dari ianya tidak lari dari landasan perkauman, seruan 'Merdeka' ditahun 1950 dulu kini mulai benar2 dapat dirasakan dengan penuh semangat. Perjuangan UMNO menuju kemerdekaan ini telah disebarkan oleh pemimpin2nya seperti Tunku, Datok Abdul Razak dan Dr. Ismail menjelajah diseluruh tanah ayer memberi penerangan2 bersama dengan perikatannya MCA.

Dalam pada itu Perikatan telah meranchangkan untuk mengadakan satu kongres kebangsaan yang nanti akan dihadiri oleh semua perwakilan parti2 politik di Tanah Melayu, bagi membinchangkan kedudukan kerusi2 didalam majlis Dewan Perundangan Persekutuan kelak. Tetapi kumpulan2 yang anti-Perikatan telah menggunakan kesempatan ini untuk menggagalkan ranchangan itu. Mereka telah mengadakan '*all-party Malayan National Conference* atau MNC pada April, 1953. Perikatan telah diundang tetapi mereka telah enggan menghadiri. MNC telah membuat ketetapan dalam persidangan ini bahawa Dewan Perundangan nanti hendaklah mengandungi 90 ahli dimana terdiri 64 ahli tidak resmi(dilantek) dan tidak pula menyatakan bagaimana ahli2 yang lainnya itu untuk dipilih. Dengan yang demikian apabila komiti pilihan raya umum mengeluarkan **ripotnya** pada awal 1954, telah tidak terdapat satu pemutusan untuk diselesaikan. Pihak MNC mahukan sebuah dewan yang mengandungi 92 ahli dengan 44 ahli minority yang dipilih serta tidak pula menyebutkan tarikh pengundiannya. Manakala Perikatan yang merupakan pihak minoriti dalam komiti ini mahukan sebuah dewan 100 orang dengan 3/5 majoritinya dipilih, serta menjadikan Nobember 1954 sebagai tarikh pengundian. Pendirian Perikatan ini tidak mahu beralah malah menyatakan 3/5 ahli yang dipilih itu hanya merupakan kadar yang minoriti yang membolehkan mana2 parti yang menang untuk menubuhkan sebuah kerajaan yang efektif.

Untuk menegaskan lagi tuntutan Perikatan itu, UMNO-MCA telah menghantar taligram kepada Mr. Lyttelton Setia Usaha Tanah Jajahan Inggeris di London bagi menimbangkan chadangannya itu. Tetapi malangnya suatu jawapan yang tidak menyakinkan diperolehinya. Ini membuat ketua2 perikatan berazam untuk menentang dan UMNO sechara tergempar telah mengadakan meshuarat agung di Melaka pada 18.4.1954. Satu resolusi yang lebih serious telah dibuat ia itu meminta supaya Dewan Perundangan Persekutuan itu mengandungi 100% ahli2 yang dipilih. MCA juga telah membuat ketetapan yang sama. Akhirnya satu deligasi telah dihantar ka London bagi menemui sendiri Lyttelton. Tetapi malangnya petition yang dibuat oleh Perikatan ini juga tidak mendapat jaminan. (Perikatan mahukan 98 para anggota majlis meshuarat Federal dengan 60 orang di pileh).

Dalam masa tuntutan-menuntut ini, sebelum Tunku ke London ia telah mempersetujui permintaan Mac Gillevery, Pesuruh Jaya tinggi Inggeris di Tanah Melayu bagi melantik 2 orang wakil menjadi menteri. Dr. Ismail bin Dato Abdul Rahman telah menjadi Menteri Hasil Bumi, manakala Kolonel H.S.Lee menjadi Menteri Perhubungan. Harus diingat sebelum dari ini Inggeris telah pun melatik Datok Onn menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri beserta 2 orang lainnya yang memegang jawatan sebagai

Menteri Pertanian dan Kehutanan. Penerimaan jawatan menteri ini telah dikecam oleh setengah gulungan UMNO yang mengatakan pemimpin2 UMNO telah dipengaruhi oleh pemerintah Inggeris. Hendaklah diingat api kemerdekaan dimasa ini meluap2 dan sebarang tindakan yang berkait dengan penjajah adalah dianggap oppotunis. Kegeloraan ini jelas dimasa lawatan Lyttelton ketanah Melayu pada December 1951, dimana wakil2 UMNO Tunku telah menemuinya dan menuntut hasrat inginkan kemerdekaan. Bagitu juga dalam menchari sokongan dari negara2 luar, UMNO dan perikatannya telah mengambil peluang sewaktu diadakan '*Asian Congres for World Federation*' yang diadakan di Tokyo. Derma yang menchurah2 datang untuk membiayai Tunku turut menghadiri persidangan ini. Tunku bersama2 dengan Abdul Aziz Ishak dan Syed Abdulah Umar al Sagaf telah meminta negara2 dunia (dan yang sudah merdeka) untuk memberi pertolongan baik sokongan moral atau lainnya keatas perjuangan raayat Tanah Melayu menuntut kemerdekaan dari Inggeris melalui perlembagaan. Memang benarlah kalau Tunku dikatakan sebagai "*untried man in Malayan Politics . . .*"

Boleh dikatakan hingga tahun 1954 ini UMNO telah benar2 dapat memainkan peranan penting didalam memberi inspirasi raayat untuk menuntut kemerdekaan. Setelah Tunku dan rumbungannya gagal memperolehi Dewan Perundangan Persekutuan sebagaimana yang dihajati (3/5 majority dipilih), maka satu perjumpaan tergepar telah diadakan di Kuala Lumpur. Dalam persidangan jawatan-kuasa kerja UMNO ini yang kemudiannya diikuti dengan perjumpaan dengan ketua2 MCA pada 24.5.1954, ini satu ketetapan telah dibuat untuk menolak kertas putih kerajaan bagi mengadakan pilihan raya kebangsaan dan membangkang keras perjalanan pilihan raya itu. Ini ialah kerana membantah jawapan Lyttelton sewaktu Tunku di London, dengan menetapkan sebuah dewan mengandungi 52 orang di pilih dan 46 dilantik. Dalam ketetapan itu juga Perikatan menuntut supaya diadakan sebuah suruhan-jaya khas dan bebas yang terdiri dari orang2 bukan raayat Tanah Melayu dengan persetujuan baginda *Queen* dan Raja2 Melayu untuk membuat penyata tentang perubahan2 perlembagaan dalam Persekutuan Tanah Melayu. Ketetapan itu juga memberi satu amaran keras jikalau pihak berkuasa menjalankan terus 'kertas putih' itu, maka Perikatan akan menarik semua ahli2nya daripada mengambil bahagian dalam kerajaan. Keputusan ini telah disampaikan kepada General Templer, pada 25.5.1954.

Pada 10.6.1954, Lyttelton telah menjawab keputusan Perikatan itu dengan jawapan yang menghampakan. Ini menyebabkan Perikatan mengadakan perjumpaan tergepar, dan dalam satu persidangan ahli2 jawatan kuasa kerja agung UMNO dan Perikatan UMNO-MCA Pada 13 Jun 1954 satu resolusi dibuat oleh kerana pehak Inggeris melambat2kan penubuhan suruhan jaya bebas dan berkuat untuk menjalankan juga 'kertas putih' berkenaan dengan pilihanraya itu maka Perikatan mengambil keputusan untuk menarik ahli2nya dari mengambil bahagian dalam pentadbiran kerajaan.

UMNO menggunakan kesempatan ini untuk mengadakan perarakan2 tunjuk perasaan dimerata2 tempat, untuk menguatkan lagi tekanan keatas pemerintah Inggeris dan juga saya rasa untuk menunjukkan kekuatannya kepada parti2 lawannya. Semangat yang sedemikian menyebabkan orang2 Melayu khasnya lebeh menyakini lagi yang UMNO dan Perikatannya itu dapat membawa kearah kemerdekaan tanah ayer. Sebagaimana yang telah kita ketahui sebelum ini UMNO telah menunjukkan kepada orang ramai bahawa ianya memberi jaminan dan simpati kepada orang2 tahanan Melayu dimasa dharurat. Dengan itu tidak hairanlah jika UMNO mempunyai daya penarik kalau dahulunya seruan 'Merdeka' itu menjadi sebagai momok yang menggerunkan dan menakutkan kini telah bergema diseluruh tanah ayer. Inilah saya rasa UMNO dan MCA sebagai 2 parti perkauman yang bersama, memperolehi keperchayaan dan sokongan dari sebilangan besar raayat Tanah Melayu, (harus diingat dimasa itu orang2 China belum lagi menjadi warga negara persekutuan, oleh itu UMNOlah yang benar2 memperjuangkan kemerdekaan disamping MCA turut bersama2 untuk memperolehi kenikmatannya.)

Pemulaun dan demonstrasi ini memberi akibat atau kesan yang besar dijiwa masharakat walaupun pihak2 yang bertentangan dengan Perikatan melemparkan tudukan2 yang pedas, namun akhirnya satu tolak ansur dichapai antara Perikatan dengan pehak Inggeris. Satu perjanjian persetujuan sulit dibuat diantara MacGillivray dengan Tunku, Dr. Ismail, H.S. Lee diatas kapal H.M.S. Alert pada malam 1 July, 1954. Dalam tolak ansur ini pehak Perikatan mempersetujui 5 daripada 7 ahli yang akan dipilih dalam Dewan yang mengandungi 52 dipilih dan 46 dilantek itu, akan terlebih dahulu dirundingkan dengan ketua2 yang nanti berjaya mendapat undian majoriti. Dengan itu pada 7 July, 1954 Perikatan telah menarik semula pemulauannya.

Pada Ogos, 1954 *'Federation of Malaya Agreement Bill'* (yang disiapkan oleh Constituency Delineating Commission) telah diluluskan yang membenarkan diadakan pilihan-raja umum. Ini satu kemenangan bagi Perikatan walaupun pengumuman Hogan (Hakim Negara) bahawa pilihan-raja itu akan diadakan pada pertengahan 1955 agak kurang memuaskan.

Menjelang pilihan-raja umum ini Perikatan telah menunjukkan ke-handalannya dengan memenangi kesemua kerusi yang dipertandingkan bagi perengkat negeri Johor dan Terengganu.

Satu perkembangan baru bagi Perikatan, menjelang pilihan-raja umum ini, M.I.C. (*Malayan Indian Congress*) telah menawarkan diri untuk memasuki Perikatan. UMNO dan MCA dengan tangan terbuka menyambut peluang ini, dan dengan kedatangannya memberi satu nafas baru untuk memperkuat lagi kedudukannya. Tetapi satu masalah timbul, penambahan keanggotaan bererti menambah masalah pembahagian kerusi untuk dipertandingkan. Dalam hal ini UMNO telah bermurah hati dengan membahagi masalah kerusi itu dengan tidak menggunakan peratus keahlian mengundi mengikut kaum. Untuk 52 kerusi yang dipertandingkan, UMNO hanya mengambil 35 kerusi manakala MCA 15 kerusi dan MIC 2 kerusi untuk dipertandingkan. Jika dibandingkan dengan jumlah pengundi maka UMNO tidak menunjukkan perkaumannya, kerana dari semua jumlah pengundi yang seramai 1,280,000 orang itu, Orang Melayu seramai 1,078,000 orang (84.2%), orang China 11.2% dan India 0.7%.<sup>22</sup> Sebenarnya UMNO mahukan 90% daripada kerusi2 itu, tetapi mungkin Tunku terlampau bermurah hati untuk menjaga kepentingan Perikatannya maka UMNO hanya 67% sahaja. Dalam hal ini Simandjuntak menyatakan, ". . . *only Tunku Abdul Rahman's personal persuasion induced the Malays to drop their claim.*"<sup>23</sup>

Agak suatu yang menghairankan kenapa dalam soal 'kerusi' dimasa ini tidak begitu mendapat tentangan dikalangan orang2 Melayu (UMNO). Apakah orang2 Melayu telah turut terhutang budi di atas kerjasama yang dilakukan oleh MCA bersama2 dengan UMNO dalam berbagai2 tuntutan itu, ataukah pada masa itu orang mementingkan kemerdekaan dari masalah kerusi yang difikirkan masalah kecil dimasa itu. Dan adakah ini merupakan tolak ansur yang ulung bagi orang2 asing itu mulai mendapat keistimewaannya sebelum memperolehi keraayaan yang lebih istimewa itu dari orang Melayu. Apa yang jelas ialah orang2 Melayu telah menunjukkan sikap tolak ansurnya, mungkin kerana chita2 yang selama ini didengung-

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, hal. 218.

<sup>23</sup> Simandjuntak, *Malayan Federalism*, hal. 74.



kan untuk mencapai kemerdekaan telah mengambang didepan matanya. Juga saya berpendapat, sebagaimana dimasa Dato' Onn juga dulu, orang2 Melayu memang mudah mengikut apa2 yang difikirkan baik oleh penganjar2 dan ketua2nya maka baiklah padanya.

Kalau dilihat latar belakang dalam menghadapi pilihan-raja umum 1955 ini, maka tidak hairanlah kalau Perikatan, yang UMNO menjadi juaranya itu pasti memperolehi kejayaannya, disamping manifesto2nya untuk kemerdekaan yang begitu emotional. Dan kalau dilihat dimasa itu parti2 lain, seperti Parti Buruh, Parti Negara Parti Islam Setengah Melayu, dan parti2 yang lain,<sup>24</sup> kurang memberi minat masharakat baik dari segi sumbangannya yang lepas mahupun perjuangan dan menifesto politiknya. Dengan itu pemerintah Inggersi telah tidak dapat untuk mempertahankan kedudukannya dengan melihat kemenangan chemerlang Perikatan memenagi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.

Saya rasa dari 1948 hingga 1955 ini UMNO penuh perjuangannya dari berjaya menghapuskan Malayan Union kepada mendirikan sebuah kabinet kerajaan untuk menuju kearah kemerdekaan dan menuju kearah sebuah perlembagaannya sendiri. Selama 8 tahun yang penuh dengan detik2 sejarah ini, UMNO telah menunjukkan kesanggupannya untuk berdiri semula sebagai sebuah parti politik yang terbesar dan terkuat, setelah Persidennya yang pertama Datok Onn meninggalkannya untuk menubuhkan parti baru. Dibawah Tunku Abdul Rahman mulai Ogos 1951 itu UMNO mulai melangkah kesatu zaman yang baru yang berjuang dengan sokongan perikatannya MCA dan akhirnya dengan MIC bagi memperolehi sebuah kabinet kerjaan, melalui pilihan-raja umum 1955 itu. Tetapi, setakat manakah UMNO dapat memberi sumbangan keatas bangsanya (Melayu) dalam perjuangannya ini maseh lagi dapat dipersoalkan.

---

<sup>24</sup> Parti2 itu adalah. Parti Progresif Perak, Liga Malayu, Perak, Persatuan Kebangsaan Perak, dan chalun2 bebas.